

## UMS Gemilang Di Seminar MIFT Ke-8



Dekan SSMP, Prof. Madya Dr. Sharifudin Md. Shaarani, bergambar kenangan bersama para Mahasiswa/i dan Pelajar Pascasiswazah SSMP yang telah menjuarai pelbagai kategori pertandingan sempena Seminar Malaysian Institute of Food Technology (MIFT) Ke-8.

20 MAC - UMS yang diwakili oleh para pelajar Sekolah Sains Makanan dan Pemakanan (SSMP) telah menjadi johan bagi acara pertandingan yang telah dianjurkan sempena seminar *Malaysian Institute of Food Technology* (MIFT). Acara tersebut yang berlangsung di UNISZA, Kuala Terengganu bermula 15 sehingga 16 Mac 2013 yang lepas, turut dihadiri oleh Dekan SSMP, Prof. Madya Dr. Sharifudin Md. Shaarani selaku ketua delegasi bersama-sama beberapa orang kakitangan akademik yang lain.

Acara ini yang diadakan dua (2) tahun sekali adalah bertujuan mendedahkan pelajar kepada pembentangan hasil kajian pakar dan penyelidik sains dan teknologi makanan di seluruh Malaysia. Di pertandingan tersebut, UMS telah merangkul Johan dan Naib Johan bagi acara *Food Bowl Quiz* (prasiswazah), Johan acara Rotary yang diwakili oleh Sdra Kevin Yau Kian Hung dan Naib Johan acara *Oral Seminar* yang diwakili oleh Sdra Ng Seah Young. Kumpulan dan peserta yang menjadi Johan akan mewakili Malaysia ke pertandingan *Food Bowl Quiz* peringkat ASEAN yang akan diadakan pada 9-11 September 2013 di Singapura.

Dekan SSMP mengucapkan terima kasih kepada pensyarah yang telah memberikan tunjuk ajar dan sokongan kepada pelajar serta kepada Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UMS (HEP) atas sumbangan kewangan sebanyak RM15,000.00 bagi menampung perbelanjaan dan keperluan pelajar semasa seminar tersebut. Secara keseluruhannya, Dekan amat berpuas hati dan bangga dengan prestasi dan semangat yang ditunjukkan oleh para pelajar sempena pertandingan tersebut.

---

**UMS telah merangkul Johan dan Naib Johan dalam acara Food Bowl Quiz , Johan acara Rotary dan Naib Johan acara Oral Seminar**

---